

Apabila dia mendekati-Ku sejengkal, Aku akan mendekati dia sehasta.

Begitulah Allah, tindakan-Nya selari dengan prasangka hamba-Nya. Sekiranya hamba-Nya bersangka baik dengan Allah, maka dia akan beramal dengan amalan baik, lalu Allah akan membalas amalnya. Manakala, sekiranya hamba-Nya berdosa, dan yakin Allah Maha Pengampun, maka dia akan bertaubat, lalu Allah mengampuni dosanya. Jika hamba-Nya mempunyai hajat, dia berdoa kepada Allah, lalu Allah akan mustajabkan doanya dengan cara yang Allah mahukan. Hidup akan berasa lebih tenang dan tenteram, berbeza apabila kita selalu berburuk sangka, hati hanya akan diliputi perasaan gelisah. Ketika mengalami kegagalan, kita tujukan kesalahan kepada Allah s.w.t., orang sekitar kita, tidak bahagia ketika melihat orang lain berjaya. Jelas sikap seperti ini hanya akan membuatkan kita lebih menderita. Cuba lihat lebah. Apakah makanannya?

Lebah memakan sari bunga. Perkara yang kita ketahui, bunga itu indah dan harum. Akhirnya, lebah menghasilkan madu yang manis, bahkan baik juga pada kesihatan.

Tidak inginkah kita jadi sepertinya? Kehadirannya memberikan manfaat, kerananya kita dapat merasai manisnya madu. Renungkanlah, itu baru lebah. Bagaimanakah dengan kita? Apakah yang kita dapat berikan untuk orang lain? Apakah kehadiran kita cukup bermanfaat untuk orang lain? Andainya kita bangkit dan tidak berputus asa, andai kita tidak terus-menerus bersedih dan berasa kecewa, tentu banyak manusia di luar sana yang dapat kita tolong, yang dapat kita berikan manfaat melalui kehadiran diri kita. Bukankah itu sesuatu yang mengagumkan?